

# TLDM ukur laut Langkawi

BH B6, 21-04-05

LANGKAWI: Kapal milik Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), *KD Perantau* sedang menjalankan kerja pengukuran hidrografi di perairan Langkawi untuk mendapatkan data terkini kawasan berkenaan susulan kejadian tsunami pada 26 Disember lalu.

Pegawai Laksana *KD Perantau*, Lt Komander Najhan Mohd Said, berkata kerja pengukuran yang dijalankan pihaknya sejak 31 Mac lalu itu dijadual berakhir menjelang akhir April ini.

"Ia bertujuan mengemas kini peta laut bagi kegunaan kapal dan bot yang melalui perairan Langkawi dan mengetahui kesan tsunami pada 26 Disember lalu untuk memastikan ia selamat digunakan semua jenis kapal," katanya. – Bernama

## PERPUSTAKAAN PETA NEGARA

Nama Akhbar ..... **BERITA HARIAN**  
Tarikh ..... **21 APRIL 2005**  
Muka Surat ..... **B6**  
Perkara .....